

14/08/2000

Pemuda bidas kenyataan Albright

KUALA LUMPUR, Ahad - Pergerakan Pemuda Umno hari ini membidas Setiausaha Amerika Syarikat, Madeleine Albright kerana terus mencampuri urusan dalaman negara ini termasuk mengutuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ketuanya, Datuk Hishammuddin Tun Hussein, berkata Albright tidak berhak membuat teguran terhadap soal perundangan dan kehakiman di negara ini dengan mendakwa Datuk Seri Anwar Ibrahim menjalani proses perbicaraan yang tidak adil.

"Ini jelas menunjukkan sikap Amerika Syarikat yang hipokrit. Malaysia adalah sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Tidak ada mana-mana pihak berhak untuk menukar sistem sedia ada kerana hak itu semestinya berada di tangan rakyat Malaysia sendiri.

"Kenyataan Albright itu sendiri sudah cukup untuk menunjukkan keangkuhannya kerana Amerika tidak berhak mencampuri urusan dalaman negara kita," katanya.

(END)